



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	2 October 2015

UM-2/10/2015

## 1MDB mahu elak konfrontasi

**KUALA LUMPUR 1 Okt.** - 1Malaysia Development Bhd (1MDB) akan mengelak konfrontasi dengan ahli politik dan memberi tumpuan kepada strategi pengkewangan asetnya.

Dalam satu temubual dengan BBC hari ini, Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan, Arul Kanda berkata, tugasnya adalah untuk memastikan 1MDB menukar asetnya kepada wang dalam cara yang memberikan yang terbaik kepada pemegang saham.

"Kami mahu mengelak daripada terbabit dengan perang mulut dengan mana-mana ahli politik. Saya bukan ahli politik, saya seorang ahli perniagaan. Persepsi terhadap 1MDB adalah buruk dan pelbagai usaha perlu dibuat untuk membetulkan isu itu," katanya.

Arul berkata, 1MDB secara berterusan menegaskan tidak ada dana daripada 1MDB telah dipindahkan ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah dengan jelas menyatakan tidak ada dana daripada 1MDB pergi ke akaun peribadi perdana menteri dan ini adalah fakta," katanya.

Pada Ogos lalu, Arul berkata, langkah rasionalisasi 1MDB akan mampu mengurangkan hutangnya dalam tempoh empat hingga enam bulan akan datang.